

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(VI)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB. ONG KHAN LEE**

15. Apakah rancangan intensif Kerajaan Negeri dalam mengurangkan "*carbon footprint*" di Pulau Pinang?

**YB. PHEE BOON POH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

15. Kerajaan Negeri Pulau Pinang selaras dengan dasar *Cleaner, Greener, Safer & Healthier Penang* berhasrat untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang bersih, mempunyai alam sekitar yang hijau dan mampan, selamat untuk didiami dan mempunyai masyarakat serta persekitaran yang sihat. Berteraskan kepada dasar ini, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk meletakkan Pulau Pinang ke arah landasan sebagai sebuah negeri "*low carbon footprint*" melalui pelaksanaan rancangan-rancangan berikut:

- (i) Larangan sepenuhnya penggunaan bekas polisterin bermula pada tahun 2010 di seluruh Pulau Pinang kerana ianya mengandungi *toxic styrene, benzene, carcinogens* dan *neurotoxins* yang berbahaya kepada manusia di samping merosakkan ekosistem dan menjelaskan kepelbagaian diversiti hidupan marin;
- (ii) Melaksanakan program "*No Free Plastic Bag*" sejak tahun 2009 sebagai langkah kawalan penggunaan beg plastik di Pulau

- Pinang kerana setiap beg plastik yang dibuang mengambil masa yang lama untuk mereput dan menghasilkan karbon dan toksik yang merbahaya kepada manusia semasa proses pereputan;
- (iii) Melaksanakan Dasar Pengasingan Sisa di Punca pada 1 Jun 2016 bagi mengurangkan pencemaran alam sekitar serta menjaga keseimbangan ekosistem dan pada masa yang sama meningkatkan kadar kitar semula sisa pepejal di Negeri Pulau Pinang kepada 37% pada tahun 2017 berbanding 18% pada tahun 2008;
 - (iv) Melaksanakan Program Pengurusan Hutan Secara Lestari dengan mengekalkan kawasan hutan sedia ada di Negeri Pulau Pinang sebagai penyerap karbon termasuk hutan darat dan hutan paya laut seluas 5,100.93 hektar sebagai hutan simpanan kekal;
 - (v) Melaksanakan penanaman sebanyak 271,000 pokok di seluruh Negeri Pulau Pinang dari tahun 2008 hingga Disember 2017 sebagai langkah pengurangan karbon;
 - (vi) Memperkenalkan Pensijilan Pejabat Hijau Pulau Pinang (*Penang Green Office Certification*) sebagai inisiatif pengurangan pelepasan karbon dan penjimatan tenaga yang telah disertai sebanyak 124 organisasi;
 - (vii) Melaksanakan *Car-Free Day* dan menyediakan laluan trek berbasikal bertujuan untuk mengurangkan pelepasan karbon dari kenderaan melalui aktiviti rekreasi dan riadah;
 - (viii) Menjalin kerjasama dengan organisasi antarabangsa seperti *Global Environment Centre (GEC)*, *United Nation Environment Programme (UNEP)* dan *Climate and Clean Air Coalition* bagi melaksanakan projek perintis melibatkan *Short Lived Climate Pollutant (SLCP)* yang merupakan salah satu penyumbang pelepasan karbon;
 - (ix) Memperkenalkan perkhidmatan bas percuma *Congestion Alleviation Transport (CAT)* dan *Bridge Express Shuttle Transit (BEST)* bertujuan mengurangkan kesesakan lalu lintas di samping menggalakkan penggunaan perkhidmatan

- pengangkutan awam dan sekaligus mengurangkan pelepasan karbon kenderaan persendirian di jalan raya;
- (x) Membangunkan *Penang Green Agenda* 2020-2030 yang akan dijadikan *road map* ke arah menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri hijau, lestari dan mampan menjelang tahun 2030; dan
 - (xi) Memulakan inisiatif *Low Carbon City Framework (LCCF)* oleh Pihak Berkuasa Tempatan ke arah menjadikan Pulau Pinang sebagai bandar rendah karbon.